

---

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 117

KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN  
DIPLOMATIK  
(KONVENSYEN VIENNA)

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
2. Penggantian undang-undang sekarang
3. Penggunaan Konvensyen Vienna
4. Sekatan bagi hak-hak keistimewaan dan imuniti
5. Keterangan
6. Pengecualian bagi beberapa perjanjian di antara dua pihak

JADUAL — Perkara-perkara dari Konvensyen Vienna mengenai dengan Perhubungan-Perhubungan Diplomatik (1961) yang mempunyai kuatkuasa undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

---

**AKTA HAK-HAK KEISTIMEWAAN  
DIPLOMATIK (KONVENSYEN VIENNA)**

**Satu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi undang-undang mengenai hak-hak keistimewaan dan imuniti diplomatik dengan menguatkuasakan Konvensyen Vienna mengenai dengan Perhubungan-Perhubungan Diplomatik (yang telah ditandatangani dalam tahun 1961) dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya**

9 tahun  
1982

*Permulaan kuatkuasa : 1hb September 1982*

9 tahun  
1982

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Hak-Hak Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna).

Gelaran  
pendek

2. Peruntukan yang berikut dari Akta ini adalah bersabit dengan perkara-perkara yang diuruskan di dalamnya, mempunyai kuatkuasa sebagai menggantikan apa jua Akta-Akta atau aturan-aturan yang dahulu.

Penggantian  
undang-undang  
sekarang

3. (1) Tertakluk kepada bab 4 Perkara-perkara yang dihuraikan dalam Jadual kepada Akta ini (iaitu perkara-perkara dari Konvensyen Vienna mengenai dengan Perhubungan-Perhubungan Diplomatik yang telah ditandatangani dalam tahun 1961) adalah mempunyai kuatkuasa undang-undang Negara Brunei Darussalam dan adalah bagi maksud itu ditafsirkan menurut peruntukan-peruntukan yang berikut dari bab ini.

Penggunaan  
Konvensyen  
Vienna

(2) Di dalam perkara-perkara itu —

“Ejen-Ejen Negara yang menerima” hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk mana-mana pegawai polis dan mana-mana orang yang menjalankan kuasa memasuki mana-mana bangunan dan pekarangan (premises) di bawah sebarang Akta bertulis yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam ;

“Seorang warganegara Negara yang menerima” hendaklah ditafsirkan sebagai bermakna seorang rakyat Negara Brunei Darussalam.

(3) Bagi maksud-maksud Perkara 32, sesuatu pengenehan oleh ketua sesebuah misi (mission) bagi mana-mana Negara atau mana-mana orang yang pada ketika itu menunaikan tugas-tugasnya hendaklah dianggap sebagai pengenehan oleh Negara itu.

(4) Perkara-perkara 35, 36 dan 40 hendaklah ditafsirkan sebagai memberi apa jua hak keistimewaan atau imuniti yang perkara-perkara tersebut mengkehendaki supaya diberikan.

(5) Sebutan-sebutan di dalam perkara-perkara 37 dan 38 setakat yang sebarang hak keistimewaan dan imuniti itu diakui oleh Negara yang menerima dan mengenai hak-hak keistimewaan dan imuniti tambahan yang mungkin diberikan oleh Negara yang menerima hendaklah ditafsirkan diberikan masing-masingnya sebagai sebutan terhadap setakat apa jua hak keistimewaan dan imuniti itu mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan terhadap apa jua hak keistimewaan dan imuniti tambahan yang mungkin ditentukan.

Sekatan bagi hak-hak keistimewaan dan imuniti

4. Jika nampaknya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa hak-hak keistimewaan dan imuniti-imuniti yang diberikan kepada sesebuah misi Negara Brunei Darussalam di dalam wilayah mana-mana Negara, atau kepada orang-orang yang berkaitan dengan misi itu, adalah kurang dari apa yang diberikan oleh Undang-Undang ini kepada misi negara itu atau kepada orang-orang yang berkaitan dengan misi itu, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan sesuatu perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* menarik balik sesuatu

hak keistimewaan dan imuniti yang telah diberikan itu daripada misi Negara itu atau daripada orang-orang yang berkaitan dengannya yang nampaknya kepada Baginda adalah wajar.

5. Jika dalam mana-mana Perbicaraan apa jua soal berbangkit sama ada atau tidak seseorang itu berhak mendapat sebarang hak keistimewaan atau imuniti di bawah Akta ini, maka sesuatu perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kuasa kebenaran Menteri yang menyatakan apa jua kenyataan berhubung dengan soal itu adalah menjadi keterangan yang muktamad mengenai kenyataan itu.

Keterangan

6. (1) Jika mana-mana perjanjian atau penyusunan khas di antara Kerajaan mana-mana Negara dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang berkuatkuasa pada mulanya berkuatkuasa Akta ini ada memperuntukkan bagi memperluaskan —

Pengecualian bagi beberapa perjanjian di antara dua pihak

(a) imuniti sedemikian dari bidang kuasa dan dari tangkapan atau tahanan, dan tanpa gangguan tempat kediaman, sebagaimana yang diberikan oleh Akta ini kepada seseorang ejen diplomatik ; atau

(b) sesuatu pengecualian dari cukai-cukai kastam, cukai-cukai dan bayaran-bayaran yang berkaitan sebagaimana yang diberikan oleh Akta ini bersabit dengan barang-barang bagi kegunaan diri seseorang ejen diplomatik ; atau

kepada apa jua jenis orang, atau kepada barang-barang bagi kegunaan diri apa jua jenis orang, yang berkaitan dengan misi Negara itu, maka imuniti dan tanpa gangguan atau pengecualian itu hendaklah diperluaskan demikian, selagi perjanjian atau penyusunan itu terus berkuatkuasa.

(2) Menteri hendaklah menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* satu notis yang menentukan negara-negaranya dengan mana dan jenis-jenis orang yang bersabit dengan siapa

sesuatu perjanjian atau penyusunan seperti yang disebutkan dalam ceraiian (1) dari bab ini adalah berkuatkuasa dan sama ada kesannya adalah seperti yang disebutkan dalam perenggan (a) atau perenggan (b) dari ceraiian itu, dan hendaklah bilamana perlu meminda notis tersebut dengan sesuatu notis selanjutnya ; dan notis tersebut adalah menjadi keterangan yang muktamad mengenai perjanjian atau penyusunan tersebut dan jenis-jenis orangnya bersabit dengan mana ia-nya berkuatkuasa.

**JADUAL**  
(Bab 2)**PERKARA-PERKARA DARI KONVENSYEN VIENNA  
MENGENAI DENGAN PERHUBUNGAN DIPLOMATIK (1961)  
YANG MEMPUNYAI KUATKUASA UNDANG-UNDANG  
DI BRUNEI**

## Perkara 1

Bagi maksud Konvensyen yang sekarang ini, perkataan-perkataan yang berikut adalah mempunyai makna-makna yang diberikan kepadanya di bawah ini :

- (a) “ketua misi” ialah orang yang dipertanggungjawabkan oleh Negara yang menghantar dengan kewajiban untuk bertindak dalam kedudukan itu ;
- (b) “ahli-ahli misi” ialah ketua misi serta ahli-ahli anggota misi itu ;
- (c) “ahli-ahli dari anggota misi itu” ialah ahli-ahli dari anggota diplomatik, ahli-ahli dari anggota pentadbiran dan teknikal dan ahli-ahli dari anggota perkhidmatan misi itu ;
- (d) “ahli-ahli dari anggota diplomatik” ialah ahli-ahli dari anggota misi itu yang mempunyai taraf diplomatik ;
- (e) seseorang “ejen diplomatik” ialah ketua misi atau seseorang ahli dari anggota diplomatik misi itu ;
- (f) “ahli-ahli dari anggota pentadbiran dan teknikal” ialah ahli-ahli dari anggota-anggota misi itu yang bekerja dalam perkhidmatan pentadbiran dan teknikal misi itu ;
- (g) “ahli-ahli dari anggota perkhidmatan” ialah ahli-ahli dari anggota misi itu yang di dalam perkhidmatan dalam negeri misi itu ;
- (h) seseorang “penjawat PREBET” ialah seseorang yang di dalam perkhidmatan dalam negeri bagi seseorang ahli misi itu dan yang bukan seorang pekerja bagi Negara yang menghantar ;
- (i) “bangunan dan pekarangan misi” ialah bangunan-bangunan atau bahagian-bahagian serta tanah yang berhubung dengannya, dengan tidak menghiraukan siapa pemiliknya yang digunakan bagi maksud-maksud misi itu termasuk tempat kediaman ketua misi itu.

Perkara 22

1. Bangunan dan pekarangan misi itu tidak boleh diganggu. Ejen-ejen Negara yang menerima tidak boleh memasukinya kecuali dengan persetujuan ketua misi itu.
2. Negara yang menerima adalah diberi kewajipan khas untuk mengambil segala langkah yang bersesuaian untuk memperlindungi bangunan dan pekarangan misi itu terhadap sebarang gangguan atau kerosakan dan untuk mencegah sebarang kekacauan terhadap ketenteraman misi itu atau kerosakan kehormatannya.
3. Bangunan dan pekarangan misi itu, kelengkapan-kelengkapan perkakasnya dan harta-benda lain yang di dalamnya serta cara pengangkutan misi itu tidak boleh dikenakan pengeledahan, tuntutan, tahanan atau penguatkuasaan.

Perkara 23

1. Negara yang menghantar dan ketua misinya adalah terkecuali dari segala bayaran dan cukai negara, daerah atau bandaran bersabit dengan bangunan dan pekarangan misi itu, sama ada dimiliki atau disewa, selain dari yang merupakan pembayaran bagi layanan-layanan tertentu yang diberikan.
2. Pengecualian dari pengenaan cukai yang disebutkan dalam Perkara ini tidaklah dikenakan kepada bayaran-bayaran dan cukai-cukai yang kena dibayar di bawah undang-undang Negara yang menerima oleh orang-orang yang membuat persetujuan dengan Negara yang menghantar atau ketua misi itu.

Perkara 24

Arkib-arkib dan dokumen-dokumen misi itu tidak boleh diganggu pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja ianya berada.

Perkara 27

1. Negara yang menerima hendaklah membenarkan dan memperlindungi perhubungan bebas oleh pihak misi itu bagi segala maksud rasmi. Dalam menghubungi misi Kerajaan itu dan misi-misi lain dan pejabat-pejabat konsul Negara yang menghantar, di mana sahaja bertempat, misi itu boleh menggunakan apa jua cara yang bersesuaian, termasuk orang-orang suruhan diplomatik dan kiriman-kiriman surat rasmi dengan kod

atau tulisan rahsia (code or cipher). Walau bagaimanapun, misi itu boleh memasang dan menggunakan alat pemancar wireless hanya dengan persetujuan Negara yang menerima.

2. Surat-menyurat rasmi misi itu tidak boleh diganggu. Surat-menyurat rasmi bermakna semua surat-menyurat berhubung dengan misi itu dan tugas-tugasnya.

3. Beg diplomatik tidak boleh dibuka atau ditahan.

4. Bungkusan-bungkusan yang terkandung di dalam beg diplomatik itu mestilah menunjukkan tanda-tanda yang nyata di sebelah luarnya mengenai jenisnya dan boleh mengandungi hanya dokumen-dokumen atau barang-barang diplomatik yang dimaksudkan bagi kegunaan rasmi.

5. Orang suruhan diplomatik itu, siapa hendaklah dibekalkan dengan sesuatu dokumen rasmi yang menunjukkan tarafnya dan jumlah bungkusan yang terkandung di dalam beg diplomatik itu, hendaklah diperlindungi oleh Negara yang menerima dalam menunaikan tugas-tugasnya. Dirinya tidak boleh diganggu dan tidak boleh dikenakan tangkapan atau tahanan secara apa jua pun.

6. Negara yang menghantar atau misinya boleh melantik orang-orang suruhan diplomatik *teristimewa bagi maksud ini*. Dalam hal-hal sedemikian peruntukan-peruntukan perenggan 5 dari Perkara ini hendaklah dikenakan juga, kecuali imuniti-imuniti yang disebutkan di dalamnya tidak boleh dikenakan lagi bilamana orang suruhan itu telah menyampaikan kepada penerimanya beg diplomatik yang di dalam jagaannya.

7. Sesebuah beg diplomatik boleh diamanahkan kepada kapten sesebuah pesawat terbang perdagangan yang dijadualkan mendarat di sesebuah lapangan masuk yang dibenarkan. Dia hendaklah dibekalkan dengan sesuatu dokumen rasmi yang menyatakan jumlah bungkusan yang terkandung di dalam beg tersebut tetapi dia tidak boleh dianggap sebagai seorang suruhan diplomatik. Misi itu boleh menghantar salah seorang dari ahli-ahlinya untuk mengambil milik beg diplomatik itu terus dan dengan bebasnya daripada kapten pesawat terbang tersebut.

#### Perkara 28

Bayaran-bayaran perbelanjaan yang dikenakan oleh misi itu dalam menjalankan kewajipan-kewajipan rasminya hendaklah dikecualikan dari segala bayaran dan cukai.



## Perkara 29

Diri seseorang ejen diplomatik itu tidak boleh diganggu. Dia tidak boleh dikenakan tangkapan atau tahanan secara apa jua pun. Negara yang menerima hendaklah memberikannya layanan dengan kehormatan yang seharusnya diberikan dan hendaklah mengambil segala langkah yang bersesuaian untuk menghindarkan sebarang serangan ke atas diri, kebebasan atau kehormatannya.

## Perkara 30

1. Tempat kediaman prebet seseorang ejen diplomatik itu serupa jua tidak boleh diganggu dan hendaklah diberi perlindungan yang sama seperti bangunan dan pekarangan misi itu.
2. Kertas-kertas, surat-menyurat dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 3 dari Perkara 31, harta-bendanya, serupa jua tidak boleh diganggu.

## Perkara 31

1. Seseorang ejen diplomatik hendaklah diberikan imuniti dari bidang kuasa jenayah Negara yang menerima. Dia juga hendaklah diberikan imuniti dari bidang kuasa sivil dan pentadbirannya, kecuali berkenaan dengan :
  - (a) Sesuatu tindakan terhadap harta (real action) berhubung dengan harta prebet yang tidak dapat dipindahkan yang terletak di dalam daerah Negara yang menerima, melainkan dia memilikinya bagi pihak Negara yang menghantar bagi maksud-maksud misi itu ;
  - (b) sesuatu tindakan berhubung dengan warisan dalam mana ejen diplomatik itu terlibat sebagai wasi, pentadbir, waris atau penerima legasi selaku seorang prebet dan bukan bagi pihak Negara yang menghantar ;
  - (c) sesuatu tindakan berhubung dengan sebarang kegiatan profesional atau perdagangan yang dilakukan oleh ejen diplomatik itu di dalam Negara yang menerima di luar tugas-tugas rasminya.
2. Seseorang ejen diplomatik itu tidak terwajib memberi keterangan sebagai seorang saksi.

3. Tiada sebarang langkah penguatkuasaan boleh diambil bersabit dengan seseorang ejen diplomatik kecuali dalam perkara-perkara yang termasuk di dalam perenggan-perenggan kecil (a), (b) dan (c) dari perenggan 1 dari Perkara ini, dan dengan syarat bahawa langkah-langkah berkenaan boleh diambil tanpa melanggar tidak terganggunya diri ejen itu atau tempat kediamannya.

4. Imuniti bagi seseorang ejen diplomatik itu dari bidang kuasa Negara yang menerima tidak mengecualikannya dari bidang kuasa Negara yang menghantar.

#### Perkara 32

1. Imuniti dari bidang kuasa bagi ejen-ejen diplomatik dan bagi orang-orang yang menikmati imuniti di bawah Perkara 37 boleh diketepikan oleh Negara yang menghantar.

2. Pengeharian tersebut mestilah sentiasa jelas.

3. Permulaan langkah perbicaraan oleh seseorang ejen diplomatik atau oleh seseorang yang menikmati imuniti dari bidang kuasa di bawah Perkara 37 mencegahnya dari menggunakan imuniti itu dari bidang kuasa bersabit dengan sebarang tuntutan balas yang berkaitan secara langsung dengan tuntutan utama.

4. Pengeharian imuniti dari bidang kuasa bersabit dengan tindakan sivil atau pentadbiran tidak boleh dianggap mensifatkannya sebagai pengeharian imuniti bersabit dengan penguatkuasaan hukumannya, terhadap mana sesuatu pengeharian berasingan adalah perlu.

#### Perkara 33

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3 dari Perkara ini, seseorang ejen diplomatik hendaklah bersabit dengan layanan-layanan yang diberikan bagi pihak Negara yang menghantar dikecualikan dari peruntukan-peruntukan keselamatan kemasyarakatan yang mungkin berkuatkuasa di Negara yang menerima.

2. Pengecualian yang diperuntukkan dalam perenggan 1 dari Perkara ini hendaklah juga dikenakan kepada penjawat-penjawat prebet yang semata-mata bekerja dengan seseorang ejen diplomatik, dengan syarat ;

(a) bahawa mereka itu bukan warganegara atau penduduk tetap di Negara yang menerima ; dan

(b) bahawa mereka itu adalah diliputi oleh peruntukan-peruntukan keselamatan kemasyarakatan yang mungkin berkuatkuasa di Negara yang menghantar atau di sesebuah Negara ketiga.

3. Seseorang ejen diplomatik yang menggajikan orang-orang terhadap siapa pengecualian yang diperuntukkan dalam perenggan 2 dari Perkara ini tidak dikenakan hendaklah mematuhi tanggungjawab-tanggungjawab yang peruntukan-peruntukan kemasyarakatan Negara yang menerima mengenakan ke atas majikan-majikan.

4. Pengecualian yang diperuntukkan dalam perenggan-perenggan 1 dan 2 dari Perkara ini tidak mencegah penyertaan secara sukarela dalam sistem keselamatan kemasyarakatan Negara yang menerima dengan syarat bahawa penyertaan sedemikian dibenarkan oleh Negara itu.

5. Peruntukan-peruntukan dari Perkara ini tidak menyentuh perjanjian-perjanjian antara dua pihak atau banyak pihak mengenai keselamatan kemasyarakatan yang telah disempurnakan dahulu dan tidak menghindar penyempurnaan perjanjian-perjanjian yang sedemikian itu pada masa hadapan.

#### Perkara 34

Seseorang ejen diplomatik hendaklah dikecualikan dari segala pembayaran dan cukai, perseorangan atau harta, negara, daerah atau bandaran, kecuali :

(a) cukai secara tidak langsung sejenis yang biasanya di masukkan ke dalam harga-harga barang-barang atau layanan-layanan ;

(b) pembayaran-pembayaran dan cukai-cukai ke atas harta-benda prebet yang tidak dapat dipindahkan yang terletak di dalam daerah Negara yang menerima melainkan dia memegangnya bagi pihak Negara yang menghantar bagi maksud-maksud misi itu ;

(c) cukai-cukai harta-benda, keturunan atau warisan yang dikenakan oleh Negara yang menerima, tertakluk kepada syarat-syarat perenggan 4 dari Perkara 39 ;

(d) pembayaran-pembayaran dan cukai-cukai ke atas pendapatan prebet yang berpunca di Negara yang menerima dan cukai-cukai modal ke atas penanaman-penanaman modal yang dibuat dalam perusahaan-perusahaan perdagangan di Negara yang menerima ;

(e) pembayaran-pembayaran yang dikenakan bagi layanan-layanan istimewa yang diberikan ;

(f) pendaftaran, bayaran-bayaran mahkamah atau rekod, pembayaran-pembayaran gadaian dan cukai setem, bersabit dengan harta-benda yang tidak dapat dipindahkan, tertakluk kepada syarat-syarat dari Perkara 23.

#### Perkara 35

Negara yang menerima hendaklah mengecualikan ejen-ejen diplomatik dari segala layanan perseorangan, dari segala layanan awam dari apa jua jenis pun, dan dari tanggungjawab tentera seperti yang berkaitan dengan tuntutan, sumbangan-sumbangan tentera dan tempat tumpangan soldadu.

#### Perkara 36

1. Negara yang menerima hendaklah, menurut undang-undang dan peraturan-peraturan yang mungkin dipakai, membenarkan kemasukan dan memberi pengecualian dari segala cukai kastam, cukai, dan pembayaran yang berkaitan selain dari pembayaran bagi penyimpanan, pembawaan dan layanan yang serupa itu, ke atas ;

(a) barang-barang bagi kegunaan rasmi misi itu ;

(b) barang-barang bagi kegunaan perseorangan seseorang ejen diplomatik atau ahli-ahli keluarganya yang merupakan sebahagian dari rumahtangganya termasuk barang-barang yang dimaksudkan untuk pejabatnya.

2. Barang-barang bawaaan perseorangan seseorang ejen diplomatik adalah terkecuali dari pemeriksaan melainkan ada sebab-sebab serius untuk menjangka bahawa ianya mengandungi barang-barang yang tidak diliputi oleh pengecualian-pengecualian yang disebutkan dalam perenggan 1 dari Perkara ini, atau barang-barang yang pengimportan dan pengeksportannya adalah dilarang oleh undang-undang atau dikawal oleh peraturan-peraturan kerantina Negara yang menerima. Pemeriksaan sedemikian hendaklah dilakukan hanya di hadapan ejen-ejen diplomatik itu atau di hadapan wakilnya yang dibenarkan.

## Perkara 37

1. Ahli-ahli keluarga seseorang ejen diplomatik yang merupakan sebahagian dari rumahtangganya hendaklah jika mereka itu bukan warganegara Negara yang menerima, diberikan hak keistimewaan dan imuniti yang ditentukan dalam Perkara-perkara 29 hingga 36.

2. Ahli-ahli dari anggota pentadbiran dan teknikal bagi misi itu, berserta dengan ahli-ahli keluarga mereka yang merupakan sebahagian dari rumahtangga mereka masing-masing, hendaklah jika mereka itu bukan warganegara atau penduduk tetap di dalam Negara yang menerima, diberikan hak keistimewaan dan imuniti yang ditentukan dalam Perkara-perkara 29 hingga 35, kecuali imuniti dari bidang kuasa sivil dan pentadbiran Negara yang menerima yang ditentukan dalam perenggan 1 dari Perkara 31 tidak boleh diperluaskan kepada perbuatan-perbuatan yang dilakukan di luar pelaksanaan kewajipan-kewajipan mereka. Mereka hendaklah juga diberikan hak-hak keistimewaan yang di dalam Perkara 36, perenggan 1, bersabit dengan barang-barang yang diimport pada ketika perlantikan pertama.

3. Ahli-ahli dari anggota perkhidmatan bagi misi itu yang bukan warganegara atau penduduk tetap di Negara yang menerima hendaklah diberikan imuniti bersabit dengan perbuatan-perbuatan yang dilakukan dalam menjalankan kewajipan-kewajipannya, pengecualian dari pembayaran-pembayaran dan cukai-cukai dan bersabit dengan gaji yang mereka terima oleh sebab pekerjaan mereka dan pengecualian yang terkadung dalam Perkara 33.

4. Penjawat-penjawat prebet ahli-ahli misi itu hendaklah jika mereka bukan warganegara atau penduduk tetap di Negara yang menerima, dikesualikan dari pembayaran-pembayaran cukai-cukai ke atas pendapatan-pendapatan yang mereka terima oleh sebab pekerjaan mereka. Dalam hal-hal lain, mereka boleh menikmati hak-hak keistimewaan dan imuniti hanya setakat yang dipersetujui oleh Negara yang menerima. Walau bagaimanapun, Negara yang menerima mestilah menjalankan bidang kuasanya ke atas orang-orang itu secara yang tidak mengganggu dengan tidak berpatutan pelaksanaan tugas-tugas misi itu.

## Perkara 38

1. Kecuali hak-hak keistimewaan dan imuniti tambahan yang boleh diberikan oleh Negara yang menerima, seseorang ejen diplomatik yang menjadi warganegara atau penduduk tetap di Negara itu boleh menikmati

hanya imuniti dari bidang kuasa, dan tidak boleh diganggu, bersabit dengan perbuatan-perbuatan rasmi yang dilakukan pada menjalankan tugas-tugasnya.

2. Ahli-ahli lain dari anggota misi itu dan penjawat-penjawat prebet yang menjadi warganegara atau penduduk tetap di Negara yang menerima boleh menikmati hak-hak keistimewaan dan imuniti hanya setakat yang dipersetujui oleh Negara yang menerima. Walau bagaimanapun, Negara yang menerima mestilah menjalankan bidang kuasanya ke atas orang-orang itu secara yang tidak mengganggu dengan tidak berpatutan perlaksanaan tugas-tugas misi itu.

#### Perkara 39

1. Tiap-tiap orang yang berhak mendapat hak-hak keistimewaan dan imuniti boleh menikmatinya dari ketika dia memasuki wilayah Negara yang menerima semasa pergi untuk memulakan jawatannya atau, jika sudah pun berada di dalam wilayah, dari ketika bilamana perlintikannya diberitahu kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri atau kementerian lain yang mungkin dipersetujui.

2. Bilamana tugas-tugas seseorang yang menikmati hak-hak keistimewaan dan imuniti itu berakhir, maka hak-hak keistimewaan dan imuniti tersebut biasanya tamat pada ketika dia meninggalkan negara itu, atau ketika tamatnya sesuatu tempoh yang berpatutan untuk berbuat demikian, tetapi masih berjalan sehingga masa itu, meskipun jika berlaku pertempuran bersenjata. Walau bagaimanapun, bersabit dengan perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh seseorang sedemikian pada menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang ahli misi itu, imuniti masih terus berjalan.

3. Jika berlaku kematian seseorang ahli misi itu, ahli-ahli keluarganya boleh terus menikmati hak-hak keistimewaan dan imuniti terhadap mana mereka berhak sehingga tamatnya sesuatu tempoh yang berpatutan dalam mana untuk meninggalkan Negara itu.

4. Jika berlaku kematian seseorang ahli misi itu yang bukan warganegara atau penduduk tetap di Negara yang menerima atau seseorang ahli dari keluarganya yang merupakan sebahagian dari rumahtangganya, maka Negara yang menerima hendaklah membenarkan penarikan balik harta-benda si mati itu yang dapat dipindahkan, kecuali mana-mana harta-benda yang telah diperolehi di dalam negara itu yang pengeksportannya telah dilarang pada ketika kematiannya. Cukai-cukai harta pusaka, keturunan dan warisan tidak boleh dikenakan ke atas harta-benda

---

yang dapat dipindahkan yang adanya di Negara yang menerima adalah semata-mata disebabkan oleh adanya di situ si mati itu sebagai seorang ahli misi itu atau sebagai seorang ahli dari keluarga seseorang ahli misi itu.

## Perkara 40

1. Jika seseorang ejen diplomatik melalui atau berada di dalam wilayah sesebuah Negara ketiga, yang telah memberikannya sesuatu visa pasport jika visa itu perlu, semasa membuat perjalanan untuk memulakan atau balik ke jawatannya, atau manakala balik ke negaranya sendiri, maka Negara yang ketiga itu hendaklah memberikan hak keistimewaan tidak diganggu dan imuniti lain yang mungkin diperlukan untuk memastikan perjalanan atau pengembaliannya. Kedudukan yang sama hendaklah dikenakan mengenai mana-mana ahli dari keluarganya yang menikmati hak-hak keistimewaan atau imuniti yang menyertai ejen diplomatik itu, atau melakukan perjalanan secara berasingan untuk turut bersamasamanya atau kembali ke negara mereka.

2. Dalam hal-hal yang serupa dengan apa yang dinyatakan dalam perenggan 1 dari Perkara ini, Negara-Negara ketiga tidak boleh menghindar perjalanan ahli-ahli dari anggota pentadbiran dan teknikal atau perkhidmatan sesebuah misi, dan ahli-ahli dari keluarga-keluarga mereka yang melalui wilayah-wilayah mereka.

3. Negara-negara ketiga hendaklah memberikan kepada surat-menyurat rasmi dan perhubungan rasmi lain yang sedang dalam perjalanan, termasuk kiriman-kiriman surat rasmi secara kod atau cipher, kebebasan dan perlindungan yang sama seperti yang diberikan oleh Negara yang menerima. Mereka hendaklah memberikan kepada orang-orang suruhan diplomatik, yang telah diberikan sesuatu visa pasport jika visa sedemikian perlu, dan beg-beg diplomatik yang sedang dalam perjalanan keistimewaan tidak akan diganggu dan perlindungan yang sama seperti yang Negara yang menerima wajib memberikannya.

4. Tanggungjawab-tanggungjawab Negara-negara ketiga di bawah perenggan-perenggan 1, 2 dan 3 dari Perkara ini hendaklah juga dikenakan kepada orang-orang yang masing-masingnya disebutkan dalam perenggan-perenggan itu, dan kepada perhubungan-perhubungan rasmi dan beg-beg diplomatik, yang adanya di dalam wilayah Negara ketiga itu adalah disebabkan oleh *keadaan yang memaksa* (force majeure).